

Longgok sisa binaan dalam sungai

FOTO: AZHAR RAMLI

Seri Kembangan: Tindakan segelintir individu yang membuang sisa binaan secara haram berhampiran Sungai Kuyoh, di sini, menimbulkan rasa kurang senang penduduk tempatan berikutan masalah itu terus berlarutan sejak tiga tahun lalu.

Sisa binaan itu bukan saja dilonggokkan dalam kontena di kawasan terbabit malah turut dilemparkan ke dalam sungai hingga menyebabkan saluran semakin sempit dan boleh menyebabkan banjir.

Penasihat MCA Serdang Datuk Liew Yuen Keong berkata, beliau kesal apabila kawasan rizab sungai itu disalah guna dan diambil kesempatan oleh pihak terbabit yang mengambil jalan mudah membuang sisa binaan di situ.

Katanya, tindakan itu akan memburukkan keadaan terutama ketika musim hujan apabila sering dilanda banjir.

"Kami tidak boleh terima sikap begini apabila mereka dengan sewenang-wenangnya membuang sisa binaan secara haram di kawasan rizab sungai.

"Sampah turut dibuang ke dalam sungai dan ini sudah tentu menjejaskan pengaliran air sungai apabila saluran semakin sempit," katanya.



LIEW (kiri) bersama Tang menunjukkan tempat pembuangan sampah industri secara haram di Sungai Kuyoh, Seri Kembangan.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati, biarpun pemilik kilang sudah meletakkan papan tanda amaran di situ bagi menghalang aktiviti pembuangan sampah namun ia tidak diendahkan.

Liew yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Kembangan itu berkata, pemilik kilang berhampiran sudah membuat aduan berhubung aktiviti itu kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) namun sehingga kini masih tiada tindakan.

"Surat dikemukakan ke-

pada MPSJ pada 10 September 2011 namun masih tiada tindakan. Ketika saya masih menjadi Adun.

"Saya berharap projek landskap di Jalan Sungai Kuyoh di Kampung Seri Kembangan diteruskan ke kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan (JKKP) Kampung Baru Seri Kembangan Tang Kim Loy berkata, mereka berharap MPSJ mengambil tindakan bagi mengelakkan sungai itu terus tercemar dengan bahan buangan.